

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah aduan gangguan atas talian (online harassment) yang diterima dan bilangan aduan yang dibuka siasatan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), mengikut pecahan jantina, umur, bangsa serta negeri pengadu dan pelaku antara tahun 2015 dan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 2016 sehingga September 2020, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima sebanyak **10,406** aduan awam secara umum yang berkait dengan gangguan atau “*harassment*” (dengan izin) yang dilakukan secara dalam talian, yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada buli, gangguan seksual, ancaman, tindakan menakut-nakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

Walaubagaimanapun, pihak SKMM tidak mempunyai maklumat mengikut pecahan jantina, umur, bangsa serta negeri pengadu dan

SOALAN NO : 38

pelaku. Kesemua aduan yang diterima disusuli tindakan oleh pihak SKMM, termasuklah pemberian nasihat atau panduan kepada pihak yang terkesan, merujuk kepada penyedia platform media sosial yang terlibat. SKMM juga akan menjalankan siasatan dan penelitian lanjut terhadap kandungan berdasarkan terma perkhidmatan dan piawaian komuniti mereka sekiranya didapati melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, iaitu melarang penyebaran kandungan sumbang, luah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya, **dengan niat** untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

Manakala, aduan yang berada di luar bidang kuasa SKMM akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan, dan bantuan teknikal akan diberikan kepada pihak mereka. Dalam tempoh tersebut, sejumlah **796** kes telah disiasat oleh pihak SKMM berhubung penyalahgunaan media sosial melibatkan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 233 AKM 1998, dan **56** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dengan **17** pertuduhan.